From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Sunday, 14 August, 2022 3:34:31 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: ICC DAN PENYELIDIK MUDA UUM SERTAI 'IDEAKITA' ANJURAN MDEC DAN DIGITAL PENANG

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

14 OGOS 2022 / 16 MUHARAM 1444H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Khairil Azfar bin Ahmad Zubir
Gambar oleh: Khairil Azfar bin Ahmad Zubir

ICC DAN PENYELIDIK MUDA UUM SERTAI 'IDEAKITA' ANJURAN MDEC DAN DIGITAL PENANG



UUM ONLINE: Pusat Inovasi dan Pengkomersialan (ICC) Universiti Utara Malaysia (UUM) telah dijemput hadir ke satu sesi jerayawara bertajuk 'IdeaKita' yang dianjurkan oleh Malaysian Digital Economy Coorporation (MDEC) dan Digital Penang di bangunan Wisma Yeap Chor Ee, Georgetown, Pulau Pinang baru-baru ini.

Bagi memberi pendedahan kepada penyelidik muda, ICC turut menjemput lima pensyarah muda untuk turut serta.

Mereka ialah pensyarah dari Pusat Pengajian Hospitaliti, Pelancongan dan Pengurusan Acara (STEHM), Dr. Nurul Syazana Hishamuddin, Dr. Lina Munirah Kamarudin, Dr. Muna Maryam Azmy, dan Dr. Foo Yen Sin.

Turut serta seorang dari Pusat Pengajian Sains Kuantitatif (SQS), Dr. Mohd Aamir Adeeb Abdul Rahim selain Pengarah ICC, Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Faizal Omar.

Antara intipati program adalah sesi perkongsian oleh Ketua Pegawai Eksekutif '*EasyParcel',* Clarence Leong yang berkongsi kisah beliau merealisasikan sebuah idea yang disangkakan gila pada awalnya untuk memiliki perniagaan berasaskan perkhidmatan penghantaran, tetapi kini menjadi salah satu perniagaan yang terkenal di seluruh negara.

Selain itu, Ketua Pegawai Eksekutif Digital Penang, Tony Yeoh turut memberikan penerangan tentang peluang-peluang perniagaan yang boleh diceburi oleh para peserta untuk memulakan perniagaan khususnya di Pulau Pinang.

Menurut Tony, Digital Penang bertanggungjawab menghubungkan usahawan kepada agensi-agensi berkaitan sama ada dalam mahupun luar negara.

Oleh itu, beliau menasihatkan agar peserta dapat meneroka lima industri yang sangat berpotensi iaitu EduTech, AgroTech, FinTech, HealthTech dan GreenTech.

'IdeaKita' diakhiri dengan bengkel 'Design Thinking' yang bertujuan untuk memastikan semua peserta yang hadir dapat menterjemahkan idea-idea perniagaan yang mereka miliki, kepada perniagaan yang sebenar.



Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM)

immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.